

02 OCT 1999

Mahathir-Perutusan

INFRASTRUKTUR KUNCI MALAYSIA JADI NEGARA MAJU, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemudahan jalan raya dan sistem pengangkutan akan terus memainkan peranan penting ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Dr Mahathir berkata dalam perutusan pada buku cenderamata Kongres Jalan Dunia ke-21 di sini, sepanjang dekad lepas, rangkaian jalan di negara ini sudah berkembang pesat seperti yang dapat dilihat melalui pembinaan dan penyiapan Lebuhraya Utara Selatan bernilai berbilion-bilion ringgit dan projek lebuhraya swasta lain.

Kongres selama seminggu itu dijadual dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, esok.

Dr Mahathir berkata kongres itu akan memberi peluang kepada peserta melihat sendiri bagaimana rangkaian kemudahan jalan dan pengangkutan telah memainkan peranan penting dalam kemajuan sosial dan ekonomi Malaysia.

"Selain menawarkan lebuhraya yang baik, kemudahan pengangkutan dan telekomunikasi, Malaysia adalah lokasi sesuai sebagai tuan rumah kongres ini dan acara yang serupa," katanya.

"Adalah menjadi harapan saya supaya pakar-pakar dalam bidang ini berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pengetahuan mengenai pelbagai aspek teknologi jalan dan mendapat pemahaman yang lebih baik mengenai masalah yang dihadapi oleh negara maju dan negara membangun," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kongres itu menggabungkan tidak sahaja usaha jabatan-jabatan kerajaan dan agensinya malah daripada sektor swasta, pertubuhan dan perbadanan yang terbabit dalam industri pembinaan jalan.

Kongres itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Jalan Dunia dan Kerajaan Malaysia.

Seramai kira-kira 2,000 peserta dari lebih 90 negara akan menyertai kongres itu.

Pada kongres ini, pakar-pakar dalam rekabentuk dan pengurusan jalan berpeluang memberi pandangan dan penilaian mengenai pembangunan teknikal dan amalan terkini berkaitan dengan kejuruteraan jalan.

Malaysia menjadi tuan rumah Asia kedua untuk menganjurkan kongres itu sejak ia diwujudkan pada 1909. Jepun merupakan negara Asia pertama untuk menjadi tuan rumah kongres itu yang berlangsung di Tokyo tahun 1967.

-- BERNAMA

RV LAT PR